



# Menulis Lidah Rasmi

**E**ditorial mempunyai kedudukan istimewa dalam akhbar dan majalah. Editorial sering membawa agenda tertentu pengarang atau organisasi akhbar berkenaan. Editorial ialah lidah pengarang yang menjadi suara rasmi akhbar itu. Pandangan dan pendirian yang dibentangkan dalam halaman editorial mewakili pendirian dan pandangan organisasi media dan pemiliknya. Justeru, editorial biasanya ditulis dengan penuh komitmen dan tanggungjawab.

Editorial dianggap sebagai bahan yang "berat" dan sukar difahami meskipun ada yang memilih membacanya. Sesetengah pihak menyifatkan editorial sebagai tulisan yang bersifat propaganda, terutamanya apabila menyentuh isu politik. Benarkah hanya sekitar 20 peratus daripada pembaca yang membaca editorial? Amalan membaca editorial perlu digalakkan terutama dalam kalangan pelajar. Membaca editorial secara tekal akan mampu mengasah minda dan pemikiran pembaca supaya menjadi lebih kritis dan analitis. Pembaca editorial tentu akan dapat belajar cara menulis dengan ringkas, padat, berkesan dan meyakinkan kerana satu daripada peranan editorial adalah untuk membujuk dan membentuk pemikiran pembaca.

Lidah rasmi atau editorial merupakan satu daripada ruangan atau tulisan yang disiarkan dalam akhbar dan majalah konvensional. Hampir semua akhbar dan majalah menyiarkan tulisan editorial, termasuklah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Hanya sedikit akhbar atau majalah yang tidak menyiarkan rencana jenis editorial. Kelihatannya, portal berita tidak cenderung menyiarkan editorial berbanding akhbar konvensional atau bercetak. Pada zaman dahulu ruangan ini dikenali sebagai lidah pengarang, tetapi sesuai dengan perubahan zaman, dan selari dengan tujuan, semangat dan inti kandungannya, lidah pengarang ditukar dengan perkataan yang lebih canggih dan sesuai seperti "wacana", "minda", dan sebagainya meskipun secara metaforikal "lidah pengarang" bermaksud suara pengarang. Untuk majalah *Dewan Bahasa* misalnya, ungkapan yang digunakan ialah "Bicara Bahasa", *Dewan Masyarakat* menggunakan "Nota Editor", manakala *Dewan Sastera* menggunakan "Daripada Editor".

Sebagai ruangan penting yang menjadi wadah kepada pengarang dan organisasi media untuk menyatakan pendirian, mengesahkan pendirian atau memperkukuh pendirian dengan tegas kepada

khalayak, adalah wajar editorial tidak ditulis oleh pemberita yang baru setahun jagung berkecimpung dalam bidang itu. Editorial lazimnya ditulis oleh wartawan kanan atau editor kanan. Dengan pengalaman mereka yang luas, disertai dengan pembacaan yang bermacam-macam, editor berkenaan sentiasa tahu isu semasa yang hangat diperkatakan oleh khalayak. Maka, lebih mudah bagi mereka memilih isu yang sesuai digarap dan diujahkan dalam ruangan itu.

Bukan semua orang diberikan tanggungjawab menulis editorial. Dalam akhbar besar, berpengaruh, mapan dan terkemuka, ada penulis yang diberikan tanggungjawab khusus untuk menggarap editorial. Mereka ini lazimnya terdiri daripada editor kanan ataupun wartawan yang berpengalaman luas. Bagaimanapun, sebahagian akhbar lagi tidak mempunyai penulis khas, sebaliknya mereka bergilir-gilir menulisnya.

Meskipun demikian, bukannya tidak ada akhbar yang melantik penulis di luar menulis rencana editorial. Sesetengah akhbar memberikan tanggungjawab itu kepada penulis luar, iaitu mereka yang berpengalaman, luas pembacaan, tajam pemikiran dan baik penguasaan bahasa. Penulis berkenaan dibayar tetap secara bulanan ataupun berdasarkan kekerapan menghasilkannya, dengan kadar tetap setiap keluaran. Langkah melantik orang di luar organisasi akhbar itu untuk menulis editorial mungkin kerana jumlah kakitangan yang berpengalaman di akhbar itu kecil. Hal ini sedemikian kerana saiznya yang kecil atau kerana mereka lebih yakin apabila tanggungjawab itu dilakukan oleh mereka yang berpengalaman.

Malah, ada juga yang meminta beberapa orang penulis luar

menggarapnya, seolah-olah seperti panel dengan meminta ahli panel menulis berdasarkan bidang yang diminta, tertakluk pada isu yang tercetus pada satu-satu masa. Cara ini memang ada baiknya asalkan ahli panel itu dapat dipercayai dari segi kecepatannya menulis dan kebolehpercayaan dari segi batas waktu penghantaran. Apabila pakar mana-mana bidang menulis, sudah tentu tulisannya lebih baik sekurang-kurangnya dari segi isi, kedalaman pemikiran dan tanggapannya asalkan pendirian yang diambil oleh penulis itu tidak bercanggah dengan prinsip, pendirian ataupun dasar akhbar.

Meskipun editorial adalah relatif pendek, namun tidaklah mudah untuk menulisnya. Penulis editorial perlu memiliki ketajaman pemikiran dan keupayaan mengungkapkan fikiran dengan berkesan. Dia perlu memahami isu semasa dan penting dan bijak memilih isu paling penting dan menarik untuk dikupas. Pemahaman yang mendalam tentang isu dan persoalan berkenaan, dengan keupayaan untuk meneliti daripada pelbagai perspektif akan banyak membantunya menulis editorial yang mendalam dan menarik.

Apakah editorial? Editorial ialah wacana yang menjelaskan maklumat, gagasan dan pendirian akhbar berkenaan isu semasa yang diangkat dan dikupas oleh ketua editor atau sidang editor. Isu berkenaan merupakan isu paling penting dan menarik bersangkut kepentingan pembaca,

negara, negara jiran, wilayah serantau ataupun dunia. Tulisan berkenaan biasanya ditulis dengan meyakinkan, sekali gus menggambarkan pendirian yang diambil oleh organisasi atau penerbit berkenaan.

Editorial perlu ditulis dengan gaya yang sesuai, selain menyatakan pandangan yang tegas, jelas, matang dan tekal tentang sesuatu isu penting yang memberikan kesan besar kepada masyarakat, negara dan bangsa.

Ruangan editorial perlu berusaha

Apakah editorial?  
Editorial ialah wacana yang menjelaskan maklumat, gagasan dan pendirian akhbar berkenaan isu semasa yang diangkat dan dikupas oleh ketua editor atau sidang editor.

menjunjung tinggi tradisi

penulisan editorial yang jujur, objektif, kritis, beretika dan bertanggungjawab. Bak kata Roger Ascham, editorial perlu "berbicara seperti dilakukan masyarakat, berfikir seperti yang dilakukan orang bijaksana". Editorial perlu memancarkan ketinggian dan kematangan pemikiran, intelektualisme, kejituan ungkapan dan pemikiran serta penulisan yang berkesan. Penulisan editorial yang berjaya menyatukan rasa ingin tahu dan skeptisme berlandaskan hujah yang jitu dan matang.

Namun, elemen penting yang perlu ada pada editorial ialah ringkas, jelas, padat, objektif, analitis dan kritis serta kadangkala menampilkan saranan yang konkrit. Rivers *et al.* (1998) mentakrifkan editorial sebagai fikiran institusi yang diuji di depan sidang pendapat umum. Editorial juga ialah penyajian fakta dan pendapat yang mentafsirkan berita yang penting dan mempengaruhi pendapat umum.

Apakah tujuan editorial akhbar? Editorial mempunyai beberapa tujuan, termasuk menjelaskan, menganalisis sesuatu isu yang berkembang dalam masyarakat atau negara, dan menyatakan pendirian organisasi media tentang isu yang dikupas.

### i. Menjelaskan berita

Editorial menjelaskan kejadian atau peristiwa penting kepada pembaca. Peristiwa itu membabitkan kepentingan banyak pihak dan memberikan kesan yang meluas, baik politik, sosial, pendidikan mahupun ekonomi. Editorial berperanan sebagai penyuluh yang menjelaskan lebih lanjut dan kritis sesuatu persoalan dan itu untuk memberikan pencerahan kepada khalayak.

Bagi mencapai tujuan itu, editorial perlu tepat, jelas, padat, kritis, dan tegas. Gagasan perlu disajikan dengan objektif, saksama dan tanpa prasangka, kerana perkara yang utama ialah kepentingan pembaca, masyarakat dan negara. Apabila mampu menyajikan editorial dengan jelas dan tegas, dengan ungkapan dan ayat yang memiliki daya tarik, anda dapat membuat pembaca berminat pada persoalan yang dibahaskan. Dianjurkan untuk

mendapatkan idea untuk editorial, anda perlu membaca secara menyeluruh, berbincang dengan banyak orang, dan menulis dengan gaya penulisan yang berkesan.

### ii. Menjelaskan latar belakang

Editorial yang baik menggarap persoalan dengan mengaitkannya dengan latar belakang atau sejarah isu dan persoalan yang dikupas. Dengan itu, editorial dapat memberikan perspektif yang lebih menyeluruh kepada pembaca. Sering kali masalah atau konflik berlaku kerana sejarah atau latar belakang tertentu. Dengan menganalisis aspek sejarah, editorial dapat mengaitkan persoalan kini dengan akar masalah. Justeru, editorial membolehkan pembaca lebih memahami persoalan berkenaan. Malah, editorial dapat mengaitkan hubungan antara pelbagai faktor yang tidak mampu ditanggapi oleh orang kebanyakan.

Editorial yang berupaya mengungkap aspek sejarah dan latar belakang dan menghubungkan faktor-faktor yang kelihatan terpisah itu baik politik, ekonomi, sosial, budaya dan sejarah misalnya, tentu dapat mendidik pembaca supaya lebih faham persoalan yang dibahaskan.

Peranan editorial untuk meyakinkan pembaca dapat dilakukan melalui pelbagai strategi wacana iaitu deduktif, induktif dan adunan keduanya. Editorial kadangkala berupaya memujuk pembaca dengan halus. Maka, bahasa persuasif yang menuntun

keterampilan berbahasa penulisnya amat diperlukan.

### iii. Menyatakan pendirian

Akhbar atau majalah mempunyai agendanya sendiri. Penetapan agenda dan pembingkaiannya ialah strategi penting media. Pendirian akhbar dan majalah tentang sesuatu isu sering digambarkan melalui ruangan editorial. Dengan adanya ruangan editorial khalayak dapat mengetahui pendirian yang akhbar itu terhadap sesuatu isu. Dalam usaha itu, pelbagai strategi wacana dan pemberitaan dan pembingkaiannya dimanfaatkan, termasuk membingkai berita, iaitu memasukkan fakta yang dianggap memihak kepada isu atau golongan yang disokong. Editorial akhbar menyatakan pendiriannya dengan tegas, baik bersangkutan isu politik, sosial, alam sekitar ataupun ekonomi. Pendirian yang diambil tidak bercanggah dengan dasar akhbar dan kecenderungan pemilikinya. Pendirian berkenaan juga hendaklah sesuai dengan budaya, moral, bahasa dan nilai masyarakat. Jika tidak, editorial berkenaan tentu akan mencetuskan kritikan dan kontroversi.

Pendirian yang diambilnya perlu mencerminkan moto yang diperjuangkannya. Tentu ganjil kalau ada akhbar dan majalah yang mengambil pendirian yang tidak sehaluan dengan motonya. Penulis editorial bukan bekerja untuk dirinya sendiri, melainkan untuk organisasi media tempatnya bertugas. Itulah sebabnya editorial tidak memiliki *byline*.

Seperkara lagi yang ditekankan dalam editorial ialah ketekalan pendirian. Maksudnya, melalui ruangan editorial, akhbar memastikan pandangan dan pendiriannya adalah sama, bukannya berubah-ubah mengikut keadaan. Ketekalan pendirian menunjukkan akhbar itu tahu perkara yang diperkatakannya. Bayangkan tanggapan pembaca apabila ruangan editorial berubah-ubah pendiriannya? Tentu pembaca memberikan tanggapan yang buruk pada editornya kerana tidak tegas dan tidak berprinsip. Malah, akhbar yang goyah pendiriannya berkenaan isu sudah pasti akhirnya terhakis kewibawaannya.

### iv. Meramalkan sesuatu

Penulis editorial yang matang dan berpengalaman dapat menjangka atau meramal kesan peristiwa, kejadian dan tindakan. Dengan pengamatan yang tajam, penulisnya menganalisis keadaan semasa dan meninjau segala kemungkinan masa hadapan. Misalnya, apabila tindakan diambil, penulis dapat mengagak kesannya terhadap masyarakat. Hal ini tentu dapat membantu pihak yang terlibat, termasuk kerajaan, sebelum sesuatu keputusan atau dasar digubal.

### v. Menyampaikan pertimbangan moral

Penulis editorial bertugas mempertahankan kata hati masyarakat. Mereka diharapkan mempertahankan isu-isu moral dan mempertahankan kedudukan mereka. Editorial wajar

membuat penghakiman nilai dan moral apabila berlaku krisis moral dalam masyarakat dan negara. Apabila perkara itu bercanggah dengan nilai, norma dan moral masyarakat, maka sewajarnya editorial tidak teragak-agak menjatuhkan penghakimannya demi memastikan masyarakat tidak tergelincir dan sentiasa berada di atas landasan yang betul.

Editorial sebaik-baiknya dapat membezakan antara yang betul dengan yang salah, yang baik dengan yang buruk, yang bermoral dan tidak bermoral. Apakah, misalnya pendirian editorial apabila berlaku kes rogol, penderaan yang berleluasa dalam masyarakat, pindaan rang undang-undang, kemalangan jalan raya yang bagi sukar dibendung, dan sebagainya?

Editorial perlu jelas dan tegas dalam pendiriannya. Penulis editorial perlu memberikan perspektif yang diyakininya berdasarkan pemahaman dan maklumat yang dirumuskannya. Tugas editorial adalah untuk memberikan maklumat dan bimbingan untuk membolehkan pembaca membuat pertimbangan atau keputusan yang rasional. Itulah sebabnya pernah dianjurkan supaya editorial membuat kesimpulan dengan mencari inti sari dan pokok fikiran utama, memakai susunan kata yang menunjukkan pembukaan editorial anda ataupun menyajikan pembaca dengan keputusan alternatif.

Persidangan Nasional Para Penulis Editorial di Amerika Syarikat pada 1974 mengungkapkan beberapa prinsip yang perlu dipegang untuk memelihara integriti dan kredibiliti penulis editorial.

- (a) Penulis editorial perlu menyajikan fakta-fakta yang jujur dan menyeluruh. Editorial yang tidak benar adalah tidak jujur dan tidak bermilai. Dia tidak boleh salah membimbing pembacanya, mengacau situasi ataupun menempatkan seseorang dari sudut pandang yang salah.
- (b) Penulis editorial perlu mengambil kesimpulan objektif daripada fakta-fakta yang disajikan, berdasarkan bukti dan konsep yang menurutnya bagus.
- (c) Penulis editorial tidak dibenarkan terpengaruh oleh kepentingan peribadi atau memanfaatkan pengaruhnya bagi kepentingan peribadi atau orang lain. Dia perlu mempertahankan hal-hal di atas sendiri dan kemungkinan penyelewengan, apa pun sumbernya.
- (d) Penulis editorial perlu menyedari dirinya tidak sempurna. Oleh itu, sejauh mana dalam kekuasaannya, dia perlu menyuarakan kepada mereka yang tidak bersetuju dengannya dalam kolum surat pembaca ataupun dengan alat-alat lain.
- (e) Penulis editorial secara teratur perlu mengulas kesimpulannya sendiri dalam kaitannya dengan maklumat yang dapat diperolehnya. Dia perlu membetulkan kesimpulan itu dan menemukannya atas dasar ketidakhafian sebelumnya.
- (f) Penulis editorial perlu mempunyai keberanian yang teguh dan falsafah hidup demokrasi. Dia tidak boleh menulis atau menerbitkan apa-apa pun yang bertentangan dengan hati nurani. Banyak halaman editorial ialah hasil fikiran

banyak orang, tetapi pertimbangan individu. Oleh sebab itu, pendapat individu yang mendalam harus dihormati.

(g) Penulis editorial perlu membantu temannya dalam konteks kesetiaan pada integriti dan profesionalisme yang tinggi. Reputasinya ialah reputasi mereka dan reputasi mereka ialah miliknya (Rivers *et al.*, 1998)

Pentingnya editorial dibuktikan daripada kedudukannya yang diletakkan di halaman penting akhbar, pada muka surat agak ke hadapan, di sebelah atau secara melintang atau di sebelah kiri secara menegak, meskipun lazimnya diletakkan di halaman sebelah kiri, umpamanya muka surat empat, enam, dan sebagainya.

Sesetengah akhbar meletakkan halaman ini bersebelahan dengan ruangan surat pembaca kepada editor. Dalam dunia kewartawanan, halaman ini dikenali sebagai *op-ed*, iaitu *opposite the editor's page*. Kedudukan yang sedemikian memungkinkannya lebih mudah dipandang oleh pembaca. Sebenarnya dalam beberapa kes, kedudukan ruangan ini dapat diubah ke tempat lain. Biasanya ke muka hadapan, dengan dikenali sebagai "Lidah Pengarang Halaman Muka Depan". Apabila editorial diletakkan pada kedudukan berkenaan, tentu ada perkara yang cuba disampaikan, sama ada ketua pengarang kumpulan, pengarang urusan, pengarang eksekutif ataupun ketua pengarang akhbar itu.

Dengan kedudukannya yang diletak di sebelah atas muka hadapan siapakah yang tidak akan membacanya? Lagipun, amalan seperti itu bukan dilakukan setiap

hari atau bulan, malah bukan juga dilakukan setiap tahun. Tindakan itu jarang-jarang berlaku.

Biasanya akhbar mengupas satu isu penting setiap hari. Perkara yang dikupas lazimnya isu besar yang menjadi tajuk utama akhbar pada hari berkenaan, meskipun tidak semestinya setiap kali akhbar perlu berbuat demikian. Hasilnya, kadangkala isu itu muncul sebagai tajuk utama berita pada hari berkenaan. Pada waktu yang sama dalam halaman editorial disiarkan kupasan isu itu. Namun, kadangkala editorial isu berkenaan disiarkan sehari selepas itu, malah kadangkala isu berkenaan dikupas sampai tiga hari berturut-turut tetapi dengan perspektif yang berlainan, bergantung pada kehangatan, keseriusan dan perkembangan isu berkenaan.

Editorial atau lidah pengarang mempunyai dasar, bentuk, teknik dan stail penulisannya yang tersendiri. Keahlian penulisan editorial memerlukan latihan yang gigih dan berterusan, menetapkan agenda dan pendirian, kemudian menyusun dan menghimpunkan fakta dan gagasan dan bahasa yang jernih dan meyakinkan. Dalam usaha memperbaiki mutu penulisan editorial, ada baiknya anda membandingkan editorial anda dengan editorial akhbar lain yang membahaskan persoalan yang sama. Editorial yang anda tulis hendak sentiasa mencerminkan keintelektualan tinggi, berimbang atau objektif, bertanggungjawab, menukik ke dalam inti persoalan, jelas, tegas, meyakinkan dan diolah dengan gaya bahasa yang berkesan. Kalau perlu, editorial hendaklah menyarankan idea dan saranan yang bernas dan konkrit agar dapat membantu menyelesaikan isu dan masalah yang dikupas. DB

## PELUANG PENULISAN

### Anda kaya dengan idea?

Mulakan menggilap bakat anda dalam bidang penulisan di Dewan Bahasa dan Pustaka. Bermula dengan *Aku di Sebuah Pulau dan Cerita-cerita Lain* (1957), Dewan Bahasa dan Pustaka terus mengorak langkah menerbitkan beribu-ribu judul buku dalam pelbagai bidang dan peringkat pembaca. Dalam usaha menerbitkan buku umum, dewasa dan pengajian tinggi, Jabatan Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka mempelawa para penulis untuk menyumbang karya dalam bidang:

- Sains Sosial dan Kemasyarakatan.
- Sains dan Teknologi.
- Agama, Falsafah dan Tamadun Islam.

Kemukakan pertanyaan atau cadangan penulisan kepada: Pengarah Jabatan Penerbitan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur.

Panduan Penyediaan Kertas Cadangan Judul boleh didapati melalui: <http://www.dbp.gov.my>

DARIHAL BAHASA

Oleh ZAIDI ISMAIL

# KATA GANDA BERENTAK Bahasa Melayu

**K**ata ganda berentak ialah salah satu daripada tiga jenis utama kata ganda. Dua lagi kata ganda ialah kata ganda penuh dan kata ganda separa.

Kata ganda berentak terbentuk hasil daripada penggandaan kata dasar mengikut rentak bunyi tertentu dalam kata dasar itu. Dalam penggandaan berentak, bunyi-bunyi tertentu dalam kata dasar diulang atau diubah. Berdasarkan pengulangan dan perubahan bunyi-bunyi tertentu, maka penggandaan berentak dalam bahasa Melayu dapat dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu:

- penggandaan berentak
- pengulangan vokal;
- penggandaan berentak
- pengulangan konsonan; dan
- penggandaan berentak bebas.

## 1. Penggandaan Berentak

Pengulangan Vokal  
Penggandaan berentak pengulangan vokal ialah penggandaan berentak yang hanya melibatkan pengulangan unsur vokal dalam kata dasar, manakala

unsur konsonannya akan berubah. Dalam penggandaan jenis ini, unsur gandaan boleh diletakkan selepas atau sebelum kata dasar.

### i. Unsur Gandaan Terletak

Selepas Kata Dasar  
Penggandaan berentak pengulangan vokal yang unsur gandaannya diletakkan selepas kata dasar, contohnya:

Kata Dasar	Kata Ganda
kuih	kuih-muih
lauk	lauk-pauk
sayur	sayur-mayur
cerai	cerai-berai
kaya	kaya-roya

**Jadual 1** Penggandaan berentak pengulangan vokal, unsur gandaan selepas kata dasar.

Contoh penggunaannya dalam ayat:

- (1) Susan menghantar **kuih-muih** itu ke restoran ibunya untuk dijual.
- (2) **Lauk-pauk** yang enak yang dijual di kedainya selalu menjadi tumpuan pembeli.

- (3) **Sayur-mayur** di pasar tani murah harganya.
- (4) Soal ajal maut atau **cerai-berai** sukar diduga.
- (5) Rancangan ini bukan sahaja membuat pemenangnya **kaya-roya** sekelip mata tetapi turut menjamin pelaburan dalam kerjaya muzik.

Proses pembentukan kata ini bermula daripada kata dasar (KD) yang berupa kata tunggal. Daripada kata dasar ini, hanya sebahagian daripada unsurnya yang digandakan, iaitu huruf vokal (Uv), manakala huruf konsonannya berubah, seterusnya menghasilkan kata ganda berentak (KGB). Unsur yang digandakan itu pula diletakkan selepas kata dasar. Rumus pembentukannya ialah:

$$KD + Uv = KGB$$

$$\text{kuih} + \text{muih} = \text{kuih-muih}$$

### ii. Unsur Gandaan Terletak Sebelum Kata Dasar

Dalam penggandaan berentak pengulangan vokal, unsur

gandaannya juga boleh diletakkan sebelum kata dasar, contohnya:

Kata Dasar	Kata Ganda
baki	saki-baki

**Jadual 2** Penggandaan berentak pengulangan vokal, unsur gandaan sebelum kata dasar.

Contoh penggunaannya dalam ayat:

- (1) Polis yang sudah merampas sekurang-kurangnya 14 kenderaan daripada sindiket berkenaan, masih meneruskan operasi untuk menahan **saki-baki** anggotanya ...

Proses pembentukan kata ini bermula daripada kata dasar yang berupa kata tunggal. Daripada kata dasar ini, hanya sebahagian daripada unsurnya yang digandakan, iaitu huruf vokal, manakala huruf konsonannya berubah. Unsur yang digandakan itu pula diletakkan sebelum kata dasar. Rumus pembentukannya ialah:

$$Uv + KD = KGB$$

$$saki + baki = saki-baki$$

## 2. Penggandaan Berentak

Pengulangan Konsonan  
Penggandaan berentak pengulangan konsonan ialah penggandaan berentak yang hanya melibatkan pengulangan unsur konsonan dalam kata dasar, manakala unsur vokalnya akan berubah.

Dalam penggandaan jenis ini, unsur gandaan boleh diletakkan selepas atau sebelum kata dasar.

### i. Unsur Gandaan Terletak Selepas Kata Dasar

Penggandaan berentak pengulangan konsonan yang unsur gandaannya diletakkan selepas kata dasar, contohnya:

Kata Dasar	Kata Ganda
mandi	mandi-manda
warna	warna-warni
tindak	tindak-tanduk
gunung	gunung-ganang

**Jadual 3** Penggandaan berentak pengulangan konsonan, unsur gandaan selepas kata dasar.

Contoh penggunaannya dalam ayat:

- (1) Kami berpeluang **mandi-manda** dan berseronok di sini.
- (2) Perhimpunan yang penuh **warna-warni** di Padang Sentral, Kuching telah berakhir dengan meriah.
- (3) Ibu Arman berkecil hati dengan **tindak-tanduk** isterinya.
- (4) Keupayaan pejuang untuk memikul senjata berat di kawasan **gunung-ganang** itu membayangkan mereka mendapat sokongan logistik yang lengkap.

Proses pembentukan kata ini bermula daripada kata dasar yang berupa kata tunggal. Daripada kata dasar ini, hanya sebahagian daripada unsurnya yang digandakan, iaitu huruf konsonan (Uk), manakala huruf vokalnya berubah, lalu terhasil kata ganda berentak. Unsur yang digandakan itu pula diletakkan selepas kata dasar. Rumus pembentukannya ialah:

$$KD + Uk = KGB$$

$$mandi + manda = mandi-manda$$

Dalam bentuk ini, unsur yang digandakan selain mengalami perubahan vokal, juga boleh mengalami penambahan huruf atau fonem, contohnya:

Kata Dasar	Kata Ganda
suku	suku-sakat
beli	beli-belah
batu	batu-batan

**Jadual 4** Penggandaan berentak pengulangan konsonan dengan penambahan huruf atau fonem.

Contoh penggunaannya dalam ayat:

- (1) Kehidupan keluarga kita dan **suku-sakat** bangsa kita perlulah dijaga.
- (2) Baru sekali dia berkunjung ke pusat **beli-belah** itu.
- (3) Piramid dibina dengan menggunakan **batu-batan** yang besar.

Proses pembentukan kata ini bermula daripada kata dasar yang berupa kata tunggal. Daripada kata dasar ini, hanya sebahagian daripada unsurnya yang digandakan, iaitu huruf konsonan, manakala huruf vokalnya berubah, dan turut ditambah satu huruf (1h), lalu terhasil kata ganda berentak. Rumus pembentukannya ialah:

$$KD + Uk + 1h = KGB$$

$$suku + sakat = suku-sakat$$

### ii. Unsur Gandaan Terletak Sebelum Kata Dasar

Dalam penggandaan berentak pengulangan konsonan, ada juga unsur gandaannya yang boleh diletakkan sebelum kata dasar. Walau bagaimanapun, bentuk ini tidaklah banyak, dan dalam kajian

ini hanya ditemukan satu data, iaitu:

Kata Dasar	Kata Ganda
balik	bolak-balik

**Jadual 5** Penggandaan berentak pengulangan konsonan, unsur gandaan sebelum kata dasar.

Contoh penggunaannya dalam ayat:

- (1) Fikirannya yang menjadi semakin **bolak-balik** menambah beban yang sedia ditanggung.

Proses pembentukan kata ini bermula daripada kata dasar yang berupa kata tunggal. Daripada kata dasar ini, hanya sebahagian daripada unsurnya yang digandakan, iaitu huruf konsonan (Uk), manakala huruf vokalnya berubah. Unsur yang digandakan itu pula diletakkan sebelum kata dasar. Rumus pembentukannya ialah:

$$Uk + KD = KGB$$

$$bolak + balik = bolak-balik$$

## 3. Penggandaan Berentak Bebas

Penggandaan berentak bebas ialah penggandaan yang menyebabkan berlakunya perubahan bunyi untuk kedua-dua unsur, iaitu vokal dan konsonan dalam sebahagian daripada unsur yang digandakan. Contohnya:

Kata Dasar	Kata Ganda
segar	segar-bugar
semak	semak-samun

**Jadual 6** Penggandaan berentak bebas.

Contoh penggunaannya dalam ayat:

- (1) Melihat sayur-mayur **segar-bugar** dan hasilnya aku juga yang jadi tergodanya.
- (2) Bagi adik-adik yang tinggal di kampung-kampung, tentu pernah melihat burung-burung ini merayau-rayau di kawasan **semak-samun** mencari makanan.

Proses pembentukan kata ini bermula daripada kata dasar yang berupa kata tunggal. Daripada kata dasar ini, hanya sebahagian daripada unsurnya (U) yang digandakan, baik vokal mahupun konsonan. Unsur yang digandakan itu pula diletakkan selepas kata dasar. Rumus pembentukannya ialah:

$$KD + 1\%2U = KGB$$

$$segar + bugar = segar-bugar$$

Dalam bentuk ini, unsur yang digandakan selain mengalami perubahan bunyi, juga boleh mengalami penambahan huruf atau fonem. Contoh penggandaan berentak bebas yang mengalami penambahan huruf atau fonem ialah:

Kata Dasar	Kata Ganda
anak	anak-pinak
gelap	gelap-gelita
awan	awan-gerpawan
terang	terang-benderang

**Jadual 7** Penggandaan berentak bebas dengan penambahan huruf atau fonem.

Contoh penggunaannya dalam ayat:

- (1) Di situlah mereka berhenti lelah sambil berbunyi memanggil kawan-

kawan atau **anak-pinak** mereka.

- (2) Keadaan **gelap-gelita** dalam hembusan angin senja.
- (3) **Awan-gemawan** yang kemerahan bertompok-tompok kelihatan dengan jelas selepas hujan berhenti.
- (4) Rumah itu **terang-benderang**.

Proses pembentukan kata ini bermula daripada kata dasar yang berupa kata tunggal. Daripada kata dasar ini, hanya sebahagian daripada unsurnya yang digandakan, baik vokal mahupun konsonan, dan turut ditambah satu huruf, lalu terhasil kata ganda berentak bebas. Unsur yang digandakan itu pula diletakkan selepas kata dasar. Rumus pembentukannya ialah:

$$KD + Uk + 1h = KGB$$

$$anak + pinak = anak-pinak$$

Ketiga-tiga bentuk utama kata ganda berentak itu masih lagi produktif dalam bahasa Melayu. Kata dasar bagi kata ganda ini berupa kata tunggal. Unsur yang digandakan itu pula boleh diletakkan sebelum atau selepas kata dasar.

Data yang digunakan dalam kajian ini merupakan data yang diambil daripada Pangkalan Data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang dikenali dengan nama Korpus DBP. Sehingga bulan Januari 2017, di dalamnya telah terkumpul lebih daripada 105 juta leksikal daripada pelbagai genre yang telah diformat, dirakam dan disimpan secara berstruktur. Antara genre tersebut termasuklah akhbar, majalah, dan buku. DB